

## Cabaran Pembelajaran Semasa Pandemik COVID-19: Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Pelajar Keluarga B40

### *(Learning Challenges During the COVID-19 Pandemic: Teaching and Learning at Home (PdPR) Students B40 Families)*

Mohd Firdaus Abd Aziz<sup>1\*</sup> , Azmil Tayeb<sup>2</sup> 

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.  
Email: ffirdausaziz87@gmail.com

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.  
Email: azmil@usm.my

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Mohd Firdaus Abd Aziz  
(ffirdausaziz87@gmail.com)

#### KATA KUNCI:

Keluarga B40  
Pendidikan dan Luar Bandar  
Teori Fungsionalisme  
Teori Konflik

#### KEYWORDS:

B40 Family  
Education and rural area  
Functional Theory  
Conflict Theory

#### CITATION:

Mohd Firdaus Abd Aziz & Azmil Tayeb.  
(2023). Cabaran Pembelajaran Semasa  
Pandemik COVID-19: Pengajaran dan  
Pembelajaran di Rumah (PdPR) Pelajar  
Keluarga B40. *Malaysian Journal of Social  
Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(9),  
e002535.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i9.2535>

#### ABSTRAK

Covid-19 telah mengubah landskap kehidupan masyarakat dunia khususnya kepada Malaysia yang merupakan negara sedang membangun. Komposisi penduduk yang bersandarkan kepelbagaian latar belakang ekonomi, pendidikan, agama dan etnik menjadikan suasana yang berbeza dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka bagi menghadapi pandemik ini. Kumpulan masyarakat dari keluarga B40 dilihat sangat terkesan kerana pandemik bukan sahaja melahirkan krisis dari sudut sosial termasuklah pekerjaan dan pendapatan, bahkan turut merangkumi aspek penyediaan medium pendidikan yang kondusif kepada anak-anak mereka yang bersandarkan 'Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah' (PdPR) seterusnya memberi impak kepada tahap pencapaian pendidikan negara, polisi kerajaan serta memberi kesan kepada rencana pembangunan negara. Oleh demikian kajian ini melibatkan pelajar dari keluarga B40 melalui penyelidikan kuantitatif bersandarkan borang soal selidik yang disediakan. Manakala hasil dapatan kajian diterjemahkan dalam bentuk jadual.

#### ABSTRACT

Covid-19 has changed the landscape of human life in the whole world especially in Malaysia, a developing country. Its population composition are of different economy, religion and ethnic background causing different among Malaysian to continue their survive during the pandemic. Community groups, especially from B40 families are mostly affected since the pandemic not only caused social crisis such as employment and income but it also included parents have to provide adequate conducive medium to their children home based teaching and learning (PdPR), also has some impact to national education achievement levels. This study involves student from B40 and through quantitative research with questionnaire. The results is exhibited in tabular form.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai pembangunan pendidikan negara untuk pihak berkepentingan sama ada badan akademik, pemerintah dan NGO. Hasil kajian juga mampu menjadi salah satu platform rujukan kepada pembangunan dinamik dalam demografi masyarakat yang berbeza dengan gabungan teori fungsionalisme dan konflik.

## 1. Pengenalan

Dasar pendidikan kebangsaan yang memfokuskan pembangunan seimbang bukan sahaja pada perbezaan kaum, namun turut merangkumi perbezaan kelas sosial masyarakat (Akta Pelajaran, 1961; [Pejabat Perdana Menteri, 2022](#)). Ini juga selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di mana nilai-nilai kewarganegaraan melalui keadilan pengiktirafan, penentuan nasib dan solidariti ([Kabeer, 2005](#)) perlulah dimiliki oleh semua lapisan warganegara Malaysia. Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar kepada pemaksaan Dasar Pendidikan Kebangsaan (DPK) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana sebahagian besar masyarakat tidak memperoleh pendidikan yang seimbang selaras dengan matlamat DPK serta FPK.

Pendidikan dan pembelajaran yang berlangsung secara maya menjadi punca kepada permasalahan ini berlaku kerana faktor sosio-ekonomi dan penyediaan fasiliti pendidikan oleh pemerintah terutamanya rangkaian capaian internet sangat bermasalah di sebahagian kawasan. Ini didorong oleh masyarakat Malaysia yang berbeza latar belakang dari sudut ekonomi, demografi, budaya dan budaya menjadikan sektor pendidikan ini sangat mencabar terutama sekali ketika COVID-19. Majoriti penduduk yang berpendapatan sederhana rendah ke bawah digelar M40 menetap di kawasan bandar dan pinggir bandar, manakala kumpulan masyarakat B40 pula menetap di kawasan luar bandar sering menjadi isu utama dalam penyediaan medium pendidikan selesa kepada anak-anak sebelum berlaku pandemik dan menjadi lebih serius ketika pandemik Covid-19 berlaku.

Permasalahan ini menjadi isu utama dalam masyarakat kerana kemampuan keluarga B40 menyediakan peranti kepada anak-anak yang belajar secara maya. Keduanya ialah isu berkaitan capaian rangkaian internet yang disediakan oleh kerajaan khususnya di kawasan luar bandar yang mempunyai masalah capaian rangkaian seperti tiada sambungan ataupun sambungan rangkaian yang lemah. Manakala persekitaran penempatan anak-anak ketika sesi PdPR itu berlangsung mempengaruhi tahap penerimaan mereka. Isu ini menjadi asas kepada tahap kualiti penerimaan pelajaran seterusnya kesan mutu PdPR yang diperoleh mereka sebagai pelajar kerana pelajaran merupakan salah satu medium yang mampu mengubah kehidupan seseorang dan berdaya memberi kesan kepada persekitarannya serta menjadi instrumen kepada pemangkin pembangunan negara ([Mohd Sani & Nor Hartini, 2016](#)).

Hal ini menjadi fokus utama dan merupakan cabaran terhadap matlamat pendidikan negara melalui perlaksanaan pembelajaran dari kaedah PdPR bagi kumpulan pelajar keluarga B40 yang mempunyai konflik tinggi ketika pandemik COVID-19.

## 1.1. Objektif Kajian

- i. Menenal pasti tahap penglibatan pelajar B40 dalam PdPR ketika pandemik COVI-19.
- ii. Menilai faktor yang mempengaruhi keberkesanan PdPR pelajar B40 ketika pandemik COVID-19.

## 2. Sorotan Karya

Hak perolehan pendidikan yang seimbang dan adil merupakan matlamat utama kepada landskap pendidikan Malaysia bagi menjamin pembangunan lestari tanpa perbezaan sosial kelas mahupun demografi (Akta Pelajaran, 1961; [Pejabat Perdana Menteri, 2022](#)). Namun wujud jurang pencapaian pendidikan ini antara kawasan bandar dan luar bandar kerana kemudahan fasiliti pendidikan turut merangkumi capaian internet yang tidak seimbang antara kawasan tersebut ([Rafiqah Dahali & Hazira, 2021](#)).

Menurut [Hazura Mohamed et al. \(2011\)](#) jurang digital dan komunikasi terhadap pendidikan luar bandar sangat mempengaruhi tahap peningkatan kualiti pelajar kerana dunia bergerak ke arah pendigitalan. [Zakaria Kasa et al. \(2010\)](#) memperincikan bahawa antara faktor kejayaan pendidikan pelajar luar bandar adalah persekitaran kehidupan dan cita-cita mereka. Dalam kajian beliau mendapati pelajar yang dalam keluarga yang berpendapatan rendah kejayaan didorong oleh cita-cita pelajar itu sendiri manakala pelajar yang dari keluarga sederhana didorong persekitaran kerana ibu bapa mereka mempunyai pendidikan lepasan pengajian tinggi.

Penulisan [Azizi, Shareeza dan Noordin \(2003\)](#) mendapati gaya pembelajaran pelajar berasrama tidak mempengaruhi hasil dan pencapaian akademik mereka. Namun kajian oleh [Zalika, Faridah dan Mohamad Johdi \(2009\)](#) menjelaskan jurang pendidikan sangat tinggi antara luar bandar dan bandar kerana faktor kehidupan pelajar itu, sosioekonomi keluarga, persekitaran pelajar, kemudahan oleh pemerintah dan daya usaha pelajar itu sendiri, ianya sangat berbeza dengan kawasan bandar yang mempunyai kesedaran pentingnya pendidikan serta penyediaan kemudahan pendidikan yang baik.

Manakala menurut [Yasmin \(2020\)](#) isu teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melebarkan jurang pendidikan antara luar bandar dengan bandar dan seterusnya akan mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar terutamanya PdPR dilaksanakan secara maya akibat Covid-19. [Muhammad Haziq \(2021\)](#) menjelaskan kemudahan pendidikan dan pelajar luar bandar masih di tahap kelas kedua kerana terlalu banyak jurang yang perlu dinilai dan diberi perhatian oleh pemerintah agar perolehan pendidikan dinikmati secara saksama antara pelajar luar bandar dan bandar seterusnya mampu melahirkan masyarakat yang majmuk. Menurut [Fareez \(2020\)](#) keperluan peningkatan mobiliti kepada digital kawasan luar bandar perlulah ditingkatkan khususnya kepada aspek pendidikan kerana kesan pandemik COVID-19 adalah besar terhadap pendidikan negara.

### 2.1 Teori Sosiologi Pendidikan

Namun beberapa penulisan oleh penyelidik terdahulu menekankan aspek pembangunan pendidikan yang dihubungkan melalui teori sosiologi pendidikan. Hal ini di mana menurut [Zaitun \(2016\)](#) dasar-dasar pendidikan yang dibangunkan oleh pemerintah adalah melalui langkah-langkah tertentu sama ada bersandarkan teori fungsionalisme,

teori konflik mahupun teori interaksional simbol. Namun menurut [Zaitun \(2016\)](#) juga asas kejayaan kepada teori sosiologi pendidikan ini ialah 'keluarga' iaitu ibu bapa turut serta dalam perlaksanaannya dengan bertindak sebagai pendorong kepada anak-anak untuk terlibat secara aktif dalam sesi persekolahan mereka.

Selain itu penulisan oleh [Muhammad Rusydi \(2015\)](#) menjelaskan teori sosiologi pendidikan ini di dokong oleh dua teori utama sebagai asasnya iaitu fungsionalisme dan teori konflik yang membawa kepada lahirnya dasar baharu pendidikan oleh pemerintah itu bagi mengatasi masalah yang berlaku dalam masyarakat. Manakala menurut [Raho \(2007\)](#) teori sosiologi merupakan pendorong kepada hala tuju untuk memastikan keseimbangan pembangunan dalam masyarakat dengan mengasingkan konflik untuk diselesaikan tanpa mengira kumpulan mahupun kelas masyarakat.

Dari penulisan [Ritzer dan Stepnisky \(2017\)](#) pula menjelaskan kumpulan minoriti masyarakat merupakan kumpulan yang sangat terkesan dalam segala aspek termasuklah pembangunan pendidikan. Hal ini menjadikan mereka berusaha dengan lebih tinggi bagi mengurangkan jurang seterusnya dapat turut serta bersama dengan kumpulan majoriti masyarakat yang hanya mengekalkan *status quo* mereka.

Dalam penulisan lain turut menjelaskan peranan teori fungsionalisme dalam pendidikan dilihat sebagai satu permuafakatan ataupun persefahaman bersama dalam mencapai suatu tujuan mahupun matlamat yang sama dengan saling bergantung terhadap satu institusi itu ([Ballentine & Hammack, 2018](#)). Manakala teori konflik pula menjadi pendorong kepada pembuat dasar setelah berlakunya konflik dalam masyarakat sehingga merosakkan dan mencetuskan ketidakseimbangan sosial pembangunan dalam masyarakat itu ([Amir Hasan, 2009](#)).

### 3. Metod Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan secara penyelidikan kuantitatif kerana mudah untuk dikendalikan dan mempunyai nilai ketepatan yang tinggi dalam penyelidikan yang dijalankan ([Piaw, 2006](#)). Kajian ini melibatkan seramai 60 orang pelajar sekolah menengah dalam Daerah Larut dan Matang, Perak di Parlimen Bukit Gantang yang dikategorikan sebagai sekolah menengah luar bandar. Kajian ini turut menggunakan borang soal selidik melalui skala *likert* untuk memperoleh maklumat kajian. Maklumat yang telah diperolehi dianalisis melalui *Statistics Package for Social Science (SPSS)* serta secara manual dan diterjemahkan dalam bentuk jadual.

Kaedah *purposive sampling* digunakan dalam memilih responden yang terlibat dalam kajian yang dilakukan kerana kajian menggunakan sampel kajian yang telah dikenal pasti terlebih dahulu. Hal ini turut disarankan oleh [Piaw \(2006\)](#) kerana kajian menggunakan sampel bertujuan berupaya melahirkan hasil kajian yang mewakili kumpulan subjek dalam kategori yang sama dengan sampel kajian.

Oleh itu pemilihan penentuan sampel kajian sebagai responden ini adalah melalui cadangan dari pemimpin masyarakat setempat iaitu Ketua Kampung yang lebih mengetahui corak sosio ekonomi keluarga B40 yang mempunyai anak masih bersekolah di bawah seliaan kampungnya. Berdasarkan taburan sekolah yang dipilih ini telah merangkumi 6 buah kampung yang diterajui oleh Ketua Kampung berbeza.

Oleh demikian [Jadual 1](#) mewakili pecahan responden berdasarkan sekolah dan kampung. Penentuan status keluarga B40 turut berpandukan penetapan oleh dasar kerajaan di mana individu mahupun keluarga yang berpendapatan di bawah Ringgit Malaysia (RM) 4,850 sahaja diklasifikasikan sebagai B40. Oleh itu ciri-ciri utama pada responden ini dititik beratkan dalam kajian yang dilaksanakan yang juga berpandukan cadangan senarai responden oleh Ketua-ketua Kampung tersebut.

Jadual 1: Sampel kajian

Sekolah	Jumlah Sampel	Ketua Kampung
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Wan Ahmad Rasdi	10	Kampung Bendang Siam
Sekolah Menengah Kebangsaan Tat Beng	10	Kampung Air Terjun
Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang	10	Kampung Dew Seberang
Sekolah Menengah Kebangsaan Matang	10	Kampung Matang
Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Menteri	10	Kampung Changkat Jering
Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Aur	10	Kampung Air Kuning
Jumlah Keseluruhan Sampel : 60		

### 3.1. Medium Kajian

Pemilihan medium kajian didorong oleh faktor kepelbagaian latar belakang keluarga terutamanya dari sudut sosio-ekonomi keluarga responden. Responden dari Sekolah Menengah Dato' Wan Ahmad Rasdi dan Sekolah Menengah Tengku Menteri merupakan penduduk yang terdiri dari Mukim Bukit Gantang dan Mukim Matang di mana sosio-ekonomi keluarga adalah berbeza-beza walaupun sekolah tersebut berada dalam Mukim Bukit Gantang. Keluarga B40 dari Mukim Bukit Gantang majoritinya mengamalkan pertanian separa tradisional dengan teknologi yang rendah serta keluasan yang kecil. Aktiviti pertanian separa tradisional menjadi sumber pendapatan utama untuk menyara keluarga dan turut mengusahakan tanaman yang mana pengeluaran hasil secara bermusim seperti tanaman dusun buah-buahan skala kecil. Manakala sesetengah keluarga turut bekerja sebagai buruh kasar seperti buruh binaan dan buruh ladang dengan mengambil upah harian.

Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Matang pula berada dalam Mukim Matang dan sosio-ekonomi keluarga turut berbeza. Hal ini di mana keluarga B40 dari Mukim Matang yang majoriti adalah nelayan tradisional dengan menggunakan sampan dan enjin sangkut kecil untuk menjalankan aktiviti ekonomi harian mereka ([Mohammad Raduan, Mohammad Sharir & Zarina Aziz, 2007](#)).

Bagi responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Aur pula keluarga dari Mukim Taiping namun sosio-ekonomi keluarga turut berbeza kerana pelajar terdiri dari mereka yang menetap di kampung dan kejiranan perumahan. Manakala keluarga B40 dari Mukim Taiping pula menjalankan aktiviti perniagaan sendiri seperti berniaga kecil di pasar malam dan pasar harian, sebahagiannya pula bekerja sebagai penjawat awam

rendah dan pekerja syarikat swasta seperti kilang pakaian dan kilang tayar yang berhampiran kawasan kediaman.


Manakala sekolah Kebangsaan Tat Beng pula merupakan keluarga dari Mukim Sungai Tinggi, Trong dan sosio-ekonomi yang hampir sama iaitu petani. Keluarga B40 dari Mukim Sungai Tinggi, Trong pula majoritinya menjalankan aktiviti pertanian komersial seperti tanaman sawit dan tanaman kontan namun keluasan yang diusahakan adalah berskala kecil di antara 1 ekar sehingga 3 ekar berbanding jumlah isi rumah yang ramai bagi satu-satu keluarga.

Pemilihan responden dari 6 sekolah yang berbeza didorong dengan kepelbagaian sosio-ekonomi keluarga B40, namun 6 sekolah ini berada dalam satu kawasan Daerah Mengundi yang sama iaitu Parlimen Bukit Gantang (P.059) dan dalam daerah pentadbiran Daerah Larut & Matang.

### 3.2. Peta Lokasi Kajian

[Peta 1](#) mewakili kawasan medium kajian dan kedudukan sekolah menengah yang terlibat dalam kajian yang dilaksanakan.

Peta 1 Medium kajian



Sumber: [Mapcarta \(2023\)](#)

## 4. Dapatan Kajian

### 4.1. Demografi Keluarga Responden

Daripada [Jadual 2](#) menjelaskan taburan kepelbagaian pekerjaan keluarga responden. Kepelbagaian ini melahirkan perbezaan bentuk hubungan sosial dan persekitaran kejiwaan kerana latar belakang sosio-ekonomi yang berlainan. Seramai 40 bapa responden merupakan mereka yang dilihat tidak mempunyai pendapatan tetap kerana bekerja sendiri sebagai nelayan kecil, petani tradisional dan buruh am. Manakala 2 bapa responden tidak bekerja kerana mempunyai masalah kesihatan iaitu penyakit kronik, dan

2 bapa responden merupakan peniaga pasar malam yang menjual produk berasaskan pertanian.

Jadual 2: Pekerjaan keluarga responden

Pekerjaan Bapa	Kekerapan	Pekerjaan Ibu	Kekerapan
Kakitangan Kerajaan	5	Kakitangan Kerajaan	2
Swasta	11	Swasta	7
Buruh Am	9	Buruh Am	5
Petani Tradisional	16	Petani Tradisional	2
Nelayan kecil	15	Nelayan kecil	1
Peniaga	2	Peniaga	2
Tidak Bekerja	2	Tidak Bekerja	-
Lain-lain	-	Lain-lain	-
Suri rumah	-	Suri rumah	41
Jumlah	60	Jumlah	60

Jadual 2 juga menunjukkan taburan pekerjaan ibu responden di mana majoritinya merupakan suri rumah sepenuh masa, hanya 2 orang sahaja bekerja sebagai kakitangan kerajaan, 7 orang terlibat dengan pekerjaan swasta, 5 orang buruh am, 2 orang petani tradisional dan peniaga manakala 1 orang adalah nelayan tradisional. Perbezaan pekerjaan ibu turut dilihat berpotensi mempengaruhi kadar taraf kehidupan keluarga itu kerana penguasaan ekonomi menjadi lebih kuat jika dalam satu keluarga itu isteri turut bekerja dengan pendapatan tetap (Mingguan Wanita, 2018). Namun keadaan ini turut memberi kesan negatif kepada anak-anak yang kedua-dua ibu dan bapa yang bekerja kerana tumpuan kepada anak menjadi kurang, pemantauan pendidikan yang lemah serta hubungan kekeluargaan menjadi renggang disebabkan kesibukan ibu dan bapa dalam kerjaya masing-masing (Mingguan Wanita, 2018).

Walaupun sewaktu pandemik Covid-19 kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan tetapi sektor pendidikan turut diteruskan melalui kaedah PdPR, namun cabaran terhadap keluarga pelajar dari B40 terutamanya kepada ibu-bapa yang bekerja sendiri dan buruh am upah harian ialah berkenaan dengan pendapatan mereka yang terjejas secara langsung kerana tidak dapat bekerja seperti biasa. Ini sekali gus menjadikan ibu-bapa ini kehilangan pendapatan seterusnya menggugat kemampuan mereka dalam menyediakan persekitaran yang baik kepada anak mereka untuk mengikuti PdPR.

Faktor latar belakang ekonomi keluarga dalam menghadapi pandemik Covid-19 turut dilihat sebagai antara perkara yang menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan PdPR itu sendiri terutamanya terhadap pelajar dari keluarga B40. Menurut Izzah Nur Aida et al. (2023) menyatakan tekanan yang dihadapi ibu-bapa ketika Covid-19 bukan hanya berkenaan kekangan persekitaran yang menjadi terhad tidak seperti sebelum ini, akan tetapi tekanan yang memberi kesan kepada psikologi dan emosi ibu-bapa adalah berkenaan penyediaan pendidikan sempurna kepada anak-anak khususnya kepada keluarga yang mempunyai anak yang ramai.

#### 4.2. Pendapatan Pelajar Keluarga B40

Jadual 3 menjelaskan kedudukan purata pendapatan isi rumah bagi keluarga responden. Ini menjelaskan kuasa ekonomi keluarga B40 untuk menyediakan peranti bagi membolehkan anak-anak mereka khususnya responden terbatas dengan pendapatan

yang kecil. Keadaan ini juga disesuaikan dengan [Jadual 4](#) di mana seramai 28 keluarga mempunyai anak 2 sehingga 3 orang masih bersekolah dan seramai 22 keluarga pula mempunyai anak bersekolah seramai 4 sehingga 5 orang, manakala seramai 7 keluarga mempunyai 6 sehingga 7 orang masih bersekolah dan 1 keluarga memperlihatkan 8 sehingga 9 orang anak bersekolah.

Jadual 3: Purata pendapatan keluarga responden

Pendapatan (RM)	Kekerapan
1001-2000	29
2001-3000	11
3001-4000	8
4001-5000	2
5001<	-
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>

[Jadual 3](#) dan [Jadual 4](#) dapat dihubungkan di mana tekanan yang besar kepada ibu-bapa untuk menyediakan kelengkapan sempurna dan persekitaran yang kondusif apabila pendapatan yang rendah perlu diperuntukkan bagi pendidikan anak-anak. [Jadual 3](#) menunjukkan hanya 2 keluarga yang berpendapatan melebihi RM 4001, namun jumlah isi rumah melebihi 5 orang dan kesemuanya masih bersekolah. Pelaksanaan PKP dan PKPD yang dilaksanakan tanpa persediaan sendiri keluarga dan pelajar khususnya responden memberikan kesan yang mendalam pada sudut pendidikan. Ini kerana bukan sahaja persediaan mental pelajar dan keluarga namun ianya merangkumi persediaan kemudahan untuk membolehkan pelajar itu mengakses PdPR yang dijalankan secara sempurna.

Jadual 4: Bilangan adik-beradik responden

Bilangan Adik Beradik	Kekerapan	
	Bersekolah	Tidak Bersekolah
0-1	2	25
2-3	28	34
4-5	22	1
6-7	7	-
8-9	1	-
10<	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>60</b>	<b>60</b>

Pendapatan yang rendah dari keluarga menyebabkan kesukaran pelajar itu memperoleh peranti dan kelengkapan yang sewajarnya ketika mengikuti PdPR seperti komputer riba, telefon pintar dan akses internet. Keadaan ini seperti melahirkan situasi 'pendidikan vs kewangan keluarga' dan 'keluarga vs pelajar'. Dua situasi ini di mana PdPR vs kewangan keluarga ialah responden yang mengikuti PdPR memerlukan kemudahan sewajarnya namun kewangan keluarga turut perlu diperuntukkan untuk perkara lain dalam tempoh pandemik dan pasca pandemik memberikan batasan yang besar untuk keperluan PdPR pelajar B40 ini dipenuhi. Manakala situasi keluarga vs pelajar pula dilihat apabila keluarga yang mempunyai ahli isi rumah yang ramai dan anak-anak yang masih bersekolah perlu menyediakan kemudahan kepada kesemuanya dengan baik, namun batasan kemampuan menyebabkan kemudahan yang sepatutnya dibekalkan tidak dapat dipenuhi. Akhirnya melahirkan konflik kepada pelajar menjadi kurang minat untuk

mengikuti PdPR kerana peranti mungkin perlu dikongsikan bersama dengan adik beradik yang lain.

#### 4.3. Bantuan Keluarga Responden

Kemampuan taraf ekonomi keluarga responden yang dari kategori B40 ini juga dapat dilihat apabila seramai 42 keluarga merupakan penerima bantuan bulanan dari kerajaan ini termasuklah elaun sara diri seperti nelayan dan pekebun kecil (Jadual 5). Keluarga penerima bantuan ini dapat dihubungkan dengan PdPR ialah keluarga ini semestinya mempunyai masalah yang serius dalam menyediakan kemudahan seperti peranti dan capaian internet untuk anak mereka walaupun ada beberapa skim bantuan oleh kerajaan namun ianya tidak menyeluruh untuk semua anak-anak dalam keluarga yang sama (Mohd Amin, 2021). Ini akhirnya menjadikan objektif PdPR yang mengkhususkan agar pelajar dan masyarakat Malaysia tidak tercicir dengan akademik tidak akan dicapai sebaiknya. Walaupun pendidikan anak-anak tanggungjawab ibu-bapa (Luqman, 2022), namun Covid-19 yang berlaku dilihat bukan sahaja peranan ibu-bapa terhadap pendidikan anak-anak khususnya dari keluarga B40 akan tetapi kekangan dari sudut kemampuan kewangan membatasi keluarga ini menyediakan platform yang terbaik bagi pendidikan kepada anak mereka termasuklah responden.

Jadual 5: Keluarga penerima bantuan kebajikan bulanan kerajaan

Jenis Bantuan	Kekerapan
Baitulmal	3
Elaun Nelayan	15
Elaun Pesawah	-
Elaun Pekebun Kecil	4
Jabatan Kebajikan Masyarakat	5
Kad Prihatin Perak	15
Lain-lain	-
<b>Jumlah</b>	<b>42</b>

#### 4.4. Kemudahan Pelajar B40 Mengikuti PdPR.

Dari dapatan kajian yang diperoleh seramai 58 orang responden menyatakan mereka berkongsi peranti dengan adik beradik yang lain sewaktu PdPR (Jadual 6). Sistem waktu pendidikan dan persekolahan di Malaysia kebanyakannya melibatkan satu sesi pengajian sahaja iaitu bermula jam 7.30 pagi dan berakhir sekitar jam 1.30 petang dan hanya sesetengah sekolah sahaja yang mempunyai dua sesi persekolahan iaitu sesi pagi dan sesi petang. Dalam kajian yang dilakukan hanya Sekolah Menengah Simpang dan Sekolah Menengah Tengku Menteri yang terlibat dengan dua sesi persekolahan iaitu pagi dan sesi petang. Ini memberi gambaran bahawa pengajian PdPR responden akan terganggu sekiranya adik beradik yang lain turut terlibat dengan persekolahan sesi pagi sahaja.

Jadual 6: Berkongsi peranti dengan adik ketika PdPR

	Kekerapan	Peratusan	Peratus Kumulatif
Kesahan	Ya	58	96.7
	Tidak	2	3.3
	Total	60	100.0

Kelemahan ini seterusnya akan memberi impak kepada kualiti pendidikan responden seperti yang dinyatakan [Olagboye \(2004\)](#) kemudahan yang lemah akan memberi kesan secara langsung kepada pendidikan pelajar kerana kualiti penyampaian itu tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Dari [Jadual 7](#) pula menjelaskan kedudukan responden ketika sesi PdPR berlangsung di mana 39 responden bermain *online game* ketika berlangsungnya PdPR, 13 responden kurang memberikan tumpuan dan hanya 8 responden memberikan tumpuan sepenuhnya ketika sesi tersebut.

Jadual 7: Tumpuan ketika sesi PdPR berlangsung

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kekerapan	Tumpuan	8	13.3	13.3
	Kurang Tumpuan	13	21.7	35.0
	Bermain <i>Game</i>	39	65.0	100.0
	Total	60	100.0	

Melalui [Jadual 8](#) pula mempamerkan kemudahan peranti yang digunakan oleh responden dari kumpulan pelajar keluarga B40 di mana 43 responden menggunakan telefon bimbit untuk mengikuti PdPR manakala hanya 17 responden memiliki komputer riba dalam pengajian mereka.

Jadual 8: Apakah alat peranti anda yang digunakan ketika PdPR berlangsung

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Telefon Bimbit	43	71.7	71.7
	Komputer Riba	17	28.3	100.0
	Total	60	100.0	

Kemudahan dalam PdPR tidak hanya berpandukan kepada tahap pemilikan peranti namun turut bergantung kepada penyediaan alat perhubungan oleh pemerintahan iaitu kuasa capaian internet ataupun jalur lebar. Dari [Jadual 9](#) seramai 88.3% iaitu 53 responden menyatakan masalah capaian internet merupakan isu utama dalam sesi PdPR dan seramai 7 responden menyatakan tidak pasti apakah masalah yang dihadapi mereka ketika PdPR.

Jadual 9: Masalah yang dihadapi ketika sesi PdPR

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Capaian Internet	53	88.3	88.3
	Tidak Pasti	7	11.7	100.0
	Total	60	100.0	

Keupayaan keluarga B40 yang rendah dalam sudut kewangan akan turut menjejaskan tahap penyediaan pendidikan yang berkualiti tinggi kepada anak-anak. Ini dipamerkan pada [Jadual 10](#) di mana 95% bersamaan 57 responden menggunakan tambah nilai (*prepaid*) untuk membeli internet setiap hari bagi mengikuti PdPR. Manakala hanya 3 responden yang mempunyai kabel talian terus ataupun wifi digunakan sewaktu PdPR. Keadaan ini akan memberi tekanan besar kepada situasi kewangan ibu-bapa yang

terdampak daripada pandemik Covid-19 sama ada perlu memperuntukkan penyediaan makanan ataupun membeli *prepaid* untuk anak mereka mengikuti PdPR.

Jadual 10: Jenis capaian internet untuk mengikuti PdPR

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tambah Nilai ( <i>prepaid</i> )	57	95.0	95.0
	Kabel Talian Terus ( <i>wifi</i> )	3	5.0	100.0
	Total	60	100.0	

#### 4.5. Persekitaran Sosio Keluarga Pelajar B40.

Perhatian ibu-bapa menjadi antara perkara yang memainkan peranan penting dalam perkembangan anak-anak seterusnya akan mempengaruhi tahap pencapaian kemajuan anak itu sendiri termasuklah hal berkaitan pendidikan. Dapatan kajian melalui [Jadual 11](#) di bawah menjelaskan peranan ibu-bapa ketika sesi PdPR anak mereka bagi memastikan sasaran kemajuan pendidikan itu dicapai pada tahap maksimum.

Jadual 11: Pemantauan ibu bapa ketika sesi PdPR

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Ya	30	50.0	50.0
	Tidak	13	21.7	71.7
	Tidak Pasti	17	28.3	100.0
	Total	60	100.0	

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan 50 peratus ibu bapa memantau sesi PdPR anak-anak mereka bagi memastikan matlamat pelaksanaan PdPR itu dicapai. Namun terdapat juga 21.7 peratus responden menyatakan ibu-bapa mereka langsung tidak memantau sesi PdPR. Manakala 28.3 peratus responden pula tidak mengetahui adakah ibu-bapa mereka memantau penglibatan mereka ketika PdPR berlangsung.

Namun kejayaan pelaksanaan PdPR ini turut didorong oleh elemen-elemen lain yang hanya difahami sendiri oleh responden tersebut. [Jadual 12](#) menjelaskan kedudukan antara elemen yang mempengaruhi penglibatan responden dalam PdPR.

Jadual 12: Pengaruh untuk mengikuti PdPR.

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Rakan	20	33.3	33.3
	Guru	10	16.7	50.0
	Ibu Bapa	25	41.7	91.7
	Tidak Pasti	5	8.3	100.0
	Total	60	100.0	

Berdasarkan dapatan kajian menjelaskan 41.7 peratus adalah ibu-bapa sebagai pendorong utama kepada responden untuk mengikuti PdPR. Manakala rakan adalah pendorong kedua tertinggi iaitu 33.3 peratus yang mempengaruhi respon untuk mengikuti PdPR. Selain itu guru turut dilihat sangat mempengaruhi responden untuk mengikuti PdPR di mana seramai 16.7 peratus responden menyatakan guru adalah salah satu elemen pendorong tersebut. Namun 8.3 peratus responden pula menyatakan tidak

pasti apakah yang mempengaruhi mereka untuk mengikuti PdPR yang dijalankan semasa pandemik Covid-19.

Selain itu persekitaran tempat tinggal turut menjadi faktor kepada kejayaan matlamat PdPR ini dilaksanakan. Keadaan yang selesa dan bersesuaian akan mempengaruhi kadar minat pelajar untuk belajar seterusnya mempengaruhi tahap pencapaian akademik mereka (Hasmah, 2014). Oleh demikian [Jadual 13](#) menjelaskan faktor persekitaran dalam mempengaruhi pengajian PdPR bagi pelajar dari keluarga B40.

Jadual 13: Keselesaian persekitaran rumah ketika PdPR.

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Ya	7	11.7	11.7
	Tidak (Bising dan lain-lain)	50	83.3	95.0
	Tidak Pasti	3	5.0	100.0
	Total	60	100.0	

Dapatan kajian pada [Jadual 13](#) menjelaskan persekitaran rumah pelajar keluarga B40 tidak selesa dan persekitaran yang tidak kondusif. Ini kerana 83.3 peratus pelajar menyatakan persekitaran mereka bising ketika sesi PdPR sehingga menyebabkan mereka tidak selesa seterusnya mempengaruhi tahap penerimaan komunikasi antara guru dan responden ketika sesi pembelajaran tersebut. Manakala seramai 11.7 peratus responden menyatakan persekitaran rumah mereka berkeadaan selesa dan 5 peratus responden pula menyatakan tidak pasti apakah keadaan persekitaran rumah mereka selesa ketika PdPR berlangsung.

Kesan dari keadaan persekitaran rumah responden telah mempengaruhi tahap kecenderungan mereka untuk mengikuti PdPR yang dilaksanakan. [Jadual 14](#) mewakili tahap penglibatan responden dalam PdPR.

Jadual 14: Mengikuti PdPR.

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak (Membosankan dan lain-lain)	56	93.3	93.3
	Tidak Pasti	4	6.7	100.0
	Total	60	100.0	

Dari dapatan kajian yang dilaksanakan menunjukkan 93.3 peratus responden tidak mengikuti PdPR dengan alasan membosankan dan lain-lain. Manakala 6.7 peratus responden pula menyatakan tidak pasti. Ini seterusnya akan mempengaruhi prestasi pembelajaran apabila latihan ilmiah ataupun tugas yang diberikan oleh guru akan disiapkan atau sebaliknya. Tahap keberkesanan untuk menyiapkan kerja sekolah oleh responden ketika sesi PdPR dilaksanakan dipamerkan pada [Jadual 15](#).

Jadual 15: Tugas/kerja sekolah disiapkan ketika PdPR

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Ya	3	5.0	5.0
	Tidak	57	95.0	100.0

Total	60	100.0
-------	----	-------

Melalui [Jadual 15](#) menunjukkan 95 peratus responden tidak menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru mereka ketika sesi PdPR. Manakala hanya 5 peratus lagi responden menyatakan mereka menyiapkan tugas tersebut setiap kali diberikan oleh guru.

Latihan atau tugas yang diterima tidak disiapkan ini turut didorong oleh pengaruh kepada kecenderungan untuk melakukan aktiviti lain ketika sesi PdPR berlangsung. [Jadual 16](#) menunjukkan apakah aktiviti lain yang dilakukan oleh responden ketika PdPR berlangsung sehingga menjejaskan tumpuan pengajian mereka.

Jadual 16: Aktiviti yang dilakukan ketika PdPR berlangsung

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Tidak	6	10.0	10.0
	Youtube/FB/Media Sosial	50	83.3	93.3
	Akhbar/Media Maklumat	4	6.7	100.0
	Total	60	100.0	

[Jadual 16](#) menunjukkan 83.3 peratus responden melayari Youtube, Facebook dan media sosial yang lain ketika sesi PdPR berlangsung. Manakala 10 peratus responden pula menyatakan mereka tidak melakukan aktiviti lain ketika PdPR dan 6.7 peratus responden pula menyatakan mereka melayari akhbar dan media maklumat ketika PdPR berlangsung.

Kesan dari melakukan aktiviti lain ketika sesi PdPR berlangsung turut mempengaruhi kadar pemahaman responden terhadap apa yang disampaikan oleh guru mereka itu sendiri. [Jadual 17](#) menjelaskan tahap pemahaman responden terhadap penyampaian pembelajaran melalui sistem PdPR ini.

Jadual 17: Pemahaman sesi PdPR

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Ya	9	15.0	15.0
	Tidak	45	75.0	90.0
	Tidak Pasti	6	10.0	100.0
	Total	60	100.0	

Dari [Jadual 17](#) menunjukkan 75 peratus responden tidak memahami apa yang disampaikan oleh guru mereka ketika PdPR. Manakala hanya 15 peratus responden memahami apa yang disampaikan oleh guru mereka dan 10 peratus responden tidak pasti.

Kesan dari tahap pemahaman tersebut seterusnya akan mempengaruhi prestasi akademik pelajar khususnya responden yang merupakan pelajar dari keluarga B40. Sesi pembelajaran melalui PdPR ini berbeza dengan pembelajaran bersemuka di sekolah kerana tahap pemantauan guru kepada pelajar adalah secara langsung. Oleh demikian tahap prestasi akademik pelajar dapat dinilai sendiri oleh pelajar itu melalui bimbingan

secara terus oleh guru mereka. Manakala pembelajaran melalui PdPR mempunyai jurang yang besar kerana pelajar tidak dipantau secara langsung dan turut dipengaruhi oleh faktor persekitaran keluarga itu sendiri. [Jadual 18](#) mewakili adakah responden mengetahui tahap prestasi akademik mereka sendiri.

Jadual 18: Mengetahui tahap prestasi akademik sendiri melalui PdPR

		Kekerapan	Peratus	Peratus Kumulatif
Kesahan	Ya	3	5.0	5.0
	Tidak	54	90.0	95.0
	Tidak Pasti	3	5.0	100.0
	Total	60	100.0	

[Jadual 18](#) menunjukkan 90 peratus responden tidak tahu tahap prestasi akademik mereka melalui sesi PdPR ini. Manakala 5 peratus responden mengetahui dan 5 peratus lagi tidak pasti akan tahap prestasi akademik mereka melalui pembelajaran PdPR ini.

## 5. Perbincangan

Covid-19 memberi kesan tinggi kepada kehidupan sosial masyarakat dunia termasuklah di Malaysia yang dalam proses menuju ke arah negara maju. Kesan ini turut menjejaskan sektor pembangunan pendidikan negara khususnya kepada kumpulan pelajar dari keluarga kategori B40. Kekurangan dan kelompongan penyediaan akses pendidikan bukan sahaja dari keluarga itu sendiri namun kelemahan dari kerajaan pemerintah turut dilihat sebagai faktor utama pelaksanaan PdPR ini kurang berkesan terutamanya kepada pelajar dari keluarga B40.

Dapatan kajian mengenal pasti dua isu utama yang menyumbang kepada kelemahan pelaksanaan PdPR iaitu kekurangan kemampuan keluarga B40 dalam menyediakan medium pendidikan kepada anak-anak mereka dan isu persekitaran sosial keluarga B40 yang mempengaruhi kesungguhan pelajar dari keluarga ini untuk mengikuti PdPR. Dua isu ini juga dipengaruhi oleh beberapa faktor lain yang dijelaskan melalui dapatan kajian yang diperoleh.

Antara faktor-faktornya ialah kemudahan infrastruktur asas terutamanya sekali peranti dan capaian internet yang digunakan oleh pelajar dari keluarga B40 ini untuk mengikuti PdPR. Kemampuan keluarga B40 ini yang agak terbatas dari kumpulan kategori keluarga lain memberi kesan kepada psikologi pelajar itu sendiri kerana menyedari kemampuan keluarga mereka untuk menyediakan peranti dan capaian internet dengan kos yang tinggi. Alatan peranti yang dikongsi bersama adik atau saudara yang lain akan menyukarkan pelajar itu sendiri untuk mengikuti PdPR yang sempurna. Keadaan ini akan memberi kesan tinggi kepada pencapaian akademik pelajar itu seterusnya memberi dampak negatif kepada moral mereka kerana rakan-rakan mereka dari keluarga lain dapat mengikuti pembelajaran dengan baik dan sempurna.

Pemilikan kos capaian internet yang perlu dibeli dan dilanggan setiap hari serta berkongsi dengan saudara yang lain memberi kesan kepada keluarga B40 itu sendiri yang semestinya terkesan secara langsung dari sudut ekonomi ketika pandemik Covid-19. Ini melahirkan konflik kepada ibu dan bapa sama ada mahu menyediakan makanan serta kemudahan harian ataupun keperluan PdPR anak-anak mereka ([Anuar, 2022](#)). Ini juga merangkumi kelemahan pemerintah yang tidak menyediakan akses sebaiknya terhadap

sektor jaringan komunikasi multimedia sehingga mewujudkan konflik berterus khususnya ketika pandemik ini berlaku seperti “capaian internet Kampung Melayu Bukit Nyamuk Simpang Renggam, Kluang terpaksa belajar bawah jambatan PLUS untuk capaian internet lebih baik” (Zulhisham, 2021).

Selain itu faktor persekitaran kehidupan keluarga B40 termasuklah keadaan kejiranan mempengaruhi daya penerimaan pelajar untuk mengikuti PdPR yang dilaksanakan. Pergaulan bebas dan gaya hidup desa menyukarkan kawalan penuh oleh guru-guru dan keluarga kepada pelajar tersebut. Ini berbanding ketika sesi persekolahan yang dikawal oleh peraturan sekolah termasuklah pemantauan penuh oleh guru ketika sesi persekolahan berlangsung. Perhubungan majoriti penduduk desa terutamanya remaja dan kanak-kanak lebih kepada hubungan secara fizikal dan bukannya peranti elektronik turut menjadi pendorong kepada kekangan kawalan keluarga dalam mengikuti PdPR dan seterusnya akan menjejaskan tahap pencapaian akademik sepanjang tempoh pandemik melanda.

Modenisasi bukan sahaja kepada gaya kehidupan melalui teknologi, namun turut merangkumi tahap pencapaian dan keupayaan perolehan pendidikan yang cemerlang dalam masyarakat. Keupayaan pelajar terutamanya dari keluarga B40 bukan sahaja dalam PdPR perlu dilihat sebagai satu masalah nasional yang perlu diselesaikan secara berterusan kerana *mood* kumpulan remaja ini akan dipengaruhi dengan kehidupan silam mereka (Nor Jamawaton, 2019).

### 5.1. Teori Sosiologi Pendidikan

Dapatan kajian juga menghubungkan dua teori utama dalam sosiologi pendidikan. Pertama adalah teori fungsionalisme di mana masyarakat dan institusi saling bergantung antara satu sama lain dalam membentuk pembangunan pendidikan seimbang dalam membangunkan negara (Muhammad Rusydi, 2015). Ini dapat dilihat apabila responden menghadapi tekanan dalam mengikuti PdPR dengan sempurna kerana masalah kemudahan capaian internet yang sepatutnya disediakan sebaik mungkin oleh pemerintah tanpa mengira ruang dan perbezaan demografi. Kekangan yang wujud telah melahirkan kesan kepada pencapaian akademik berbanding pelajar lain dari keluarga yang mampu (M40 & T20). Keadaan ini berbeza dengan ketetapan Akta Pelajaran 1961 yang menyatakan tiada jurang kelas sosial atau lain-lain yang membatasi hak untuk memperoleh pendidikan sama rata dalam masyarakat Malaysia (Pejabat Perdana Menteri, 2022). Namun apa yang berlaku sewaktu PdPR khususnya kumpulan pelajar dari keluarga B40 melihatkan jurang serta kelas sosial kerana keluarga ini tidak mampu menyediakan medium yang sesuai untuk digunakan bagi mengikuti PdPR.

Ini menyumbang kepada keadaan saling bergantung antara satu sama lain, iaitu pelajar dari keluarga B40 sangat memerlukan bantuan dari kerajaan bagi membolehkan mereka mengikuti PdPR dengan sempurna. Manakala kerajaan memerlukan masyarakat yang berintelektual dalam membangunkan negara bagi suatu tempoh yang panjang. Keciciran pendidikan akan melahirkan satu dimensi yang disebut ‘keciciran literasi’ dalam kalangan murid mahupun pelajar kerana tidak mampu untuk bersaing dengan pergerakan era semasa kerana perolehan pendidikan ketika Covid-19 tidak begitu sempurna seperti pembelajaran secara bersemuka di sekolah (Ainul Illia, 2022). Sekali gus akan memberi kesan kepada pembangunan seimbang kepada negara kerana keciciran literasi dan pendidikan ini sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang terhadap permasalahan sosial (Fatimah, 2007).


Kedua ialah teori konflik dalam pendidikan di mana ketegangan yang wujud dalam kumpulan masyarakat yang berbeza kelas sosial untuk satu perkara yang sama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kumpulan pelajar B40 ini seperti terpaksa akur dengan kedudukan keluarga untuk menyediakan kemudahan pendidikan sewaktu PdPR dalam konteks yang dikenali sebagai *false consciousness* iaitu menyerahkan diri pada segala perkara dan keadaan yang terjadi (Lukacs, 1972).

Kesan ini membawa keadaan seakan *class struggle* di mana kumpulan B40 dilihat bersaing dengan kumpulan kelas masyarakat yang lain untuk memberikan pendidikan terbaik kepada anak mereka (Shuhaib & Abdul Ghafar, 1983). Persaingan yang lahir ini akhirnya akan memberi kesan kepada masa hadapan bukan sahaja kepada pelajar keluarga B40, namun membawa kesan berpanjangan kepada kemajuan negara dari sudut literasi masyarakat, ekonomi dan sahsiah komuniti serta berkemungkinan melahirkan suasana konflik berterusan dalam masyarakat.

Kelemahan dari perolehan pendidikan yang merupakan satu institusi yang bertanggungjawab membina masyarakat akan memberi kesan mendalam kepada tahap pembangunan insaniah kumpulan masyarakat yang berpotensi melahirkan kerosakan kepada sistem pentadbiran negara itu sendiri (Amir Hasan, 2009).

Dari Rajah 1 dapat diterjemahkan hubungan antara isu-isu yang mempengaruhi PdPR dalam hubung kait dalam teori fungsional dan konflik sosiologi pendidikan dengan kesan masa panjang yang dilahirkan. Pembangunan negara berpotensi besar melalui konflik berpanjangan apabila perolehan pendidikan yang lemah terutamanya pada pelajar keluarga B40 yang sebahagian masih berada dalam garis kemiskinan tegar untuk keluar dari garis kemiskinan tersebut. Ini seperti mewarisi kemiskinan dari keluarga yang terdahulu kerana keciciran pendidikan kesan dari pandemik kerana peruntukan pendidikan kepada pelajar B40 merosot sehingga lebih 84% dari perbelanjaan sebelum pandemik (Anuar, 2022).

Rajah 1: Isu dan kesan kepada pembangunan negara.



Selain itu, pembangunan negara dari sudut ekonomi akan terjejas kerana kurang produktif melahirkan warga yang intelektual untuk bersaing dalam membina kerjaya dan ekonomi masing-masing. Kesan ini menjadikan matlamat untuk sifar kemiskinan tegar sukar dicapai disebabkan masyarakat yang kurang mempunyai pendidikan yang baik. Seterusnya lemahnya pendidikan akibat keciciran dari PdPR dilihat akan mempengaruhi kedudukan moraliti dan sahsiah kumpulan remaja ini. Pendidikan bukan sahaja institusi yang penting kepada pembangunan ekonomi namun menjadi platform asas yang utama dalam membina sendiri sama ada membentuk sahsiah yang baik melalui pendidikan sempurna ataupun sahsiah sebaliknya dek kerana keciciran pendidikan asas ini.

Kesan kepada tiga aspek ini akhirnya akan melahirkan satu bentuk kelas sosial yang berterusan dalam masyarakat Malaysia. Jurang ekonomi, pendidikan dan moral akan membentuk gaya kehidupan mereka sendiri dalam komuniti. Ini seterusnya akan memberi kesan besar kepada pemerintah kerana kumpulan masyarakat kelas ini akan terus bergantung dengan bantuan kerajaan sepenuhnya dan kurang berdaya untuk bergerak sendiri berbeza dengan kelas kumpulan masyarakat yang lain seperti kumpulan M40 dan T20.

## **6. Kesimpulan**

Pelaksanaan PdPR boleh dibuat bukan sahaja ketika pandemik Covid-19 tapi boleh dijalankan secara berterusan sebagai satu medium kelas tambahan atau kaedah pembelajaran yang baharu mengikut arus perkembangan teknologi dunia. Pelaksanaan PdPR ini bukan sahaja berdaya untuk membawa kesan yang positif kepada pembangunan pendidikan malah mampu menjadikan masyarakat lebih berteknologi, lebih berdikari dan lebih membangun dari negara lain yang masih mengamalkan sistem pendidikan secara bersemuka ataupun fizikal. Namun pelaksanaan PdPR ini perlulah diberi tumpuan khusus terutamanya oleh pemerintah dalam menyediakan infrastruktur yang sangat baik dan menyeluruh tanpa mengira kawasan bandar mahupun luar bandar setanding dengan globalisasi teknologi maklumat pada masa kini serta masa hadapan. Selain itu peranan keluarga dan masyarakat perlu lebih dititikberatkan dalam membimbing anak-anak untuk memupuk nilai kebertanggungjawaban melibatkan diri ketika PdPR ini sekiranya dilaksanakan kelak.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia (JEPeM) Universiti Sains Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Ribuan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan penyelidikan ini. Terutama sekali kepada responden, pihak pengurusan pusat pengajian dan universiti serta pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

### **Kewangan (*Funding*)**

Penghargaan kepada “Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk Fundamental Research Grant Scheme dengan Kod Projek: FRGS/1/2020/SS0/USM/02/15” dan “Geran Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia, 304/PSOSIAL/6315357”.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Ainul Illia. (2022). Keciciran literasi bahasa melayu di kalangan murid membimbangkan. *Ismaweb*. Diakses dari <https://ismaweb.net/2022/04/19/keciciran-literasi-bahasa-melayu-di-kalangan-murid-membimbangkan/>
- Amir Hasan Dawi. (2009). *Pentorian sosiologi dan pendidikan. Edisi Kedua*. Quatum Books: Tanjung Malim, Perak.
- Anuar Ahmad. (2022). Tangani isu kemiskinan elak jurang pendidikan terus melebar. *Bharian Online*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/111023687/tangani-isu-kemiskinan-elak-jurang-pendidikan-terus-melebar>
- Azizi Yahaya, Shareeza Abdul Karim & Noordin Yahaya. (2011). Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar tingkatan empat sekolah menengah teknik Negeri Sembilan. *National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johore Baharu, Oktober 2003*.19-21
- Ballentine, J. H. & Hammack, F. M. (2012). *The sociology of education*. Pearson: New Jersey
- Fareez Azman. (2020). Bersediakah Malaysia adaptasi ke arah digital?. *Astroawani Online*. diakses dari <https://www.astroawan.com/berita-malaysia/bersediakah-malaysia-adaptasi-ke-arrah-digital-247474>
- Fatimah Ali. (2007). Masalah sosial pelajar dan hubungannya dengan kemerosotan pembelajaran. *Jurnal Usuluddin*, 25, 145-154.
- Hasmah Ibrahim. (2014). Pengaruh faktor persekitaran terhadap kecemerlangan akademik pelajar fakulti kejuruteraan mekanikal dan pembuatan serta pelajar fakulti kejuruteraan elektrik di UTHM. *Tesis Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. (tidak diterbitkan).
- Hazura Mohamed et al. (2011). Jurang digital dan pendidikan di luar bandar: Tahap literasi teknologi maklumat dan komunikasi pelajar. *Asia-Pacific Journal of Technology and Mutlimedia*, 1(2) 1-13. <https://www.ftsm.ukm.my/apjitm>
- Izzah Nur Aida et al. (2023). Faktor dan tahap tekanan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak semasa pandemik covid-9. *Jurnal 'Ulwan, Special Issue 1: Keunggulan Warisan Islam*, 8 (1), 232-242. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1316>
- Kabeer, N. (2005). Introduction: The Research for Inclusive Citizenship (Ed.2): London & New York, Sage.
- Bellamy, R. (2008). Evaluating Union citizenship: Belonging, rights and participation within the EU. *Citizenship Studies*, 12(6). 597-611.
- Lukacs, G. (1972). *History and class consciousness: Studies in marxist dialectics*. Translated by Rodney Livisngstone. The MIT Press: Cambridge

- Luqman Abdullah. (2022). Ibu bapa cermin terbaik buat anak-anak. *Hmetro Online*. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/05/838662/ibu-bapa-cermin-terbaik-buat-anak-anak>
- Mapcarta. (2023). Peta bukit gantang. Diakses dari <https://mapcarta.com/15886236>
- Mingguan Wanita. (2018). "Awak kerja untuk tanggung keluarga, saya kerja sebab nak bantu ringankan beban. *Wanitamingguan Online*. Diakses dari <https://www.mingguanwanita.my/awak-kerja-untuk-tanggung-keluarga-saya-kerja-sebab-nak-bantu-ringankan-beban/>
- Mohammad Raduan, Mohammad Sharir & Zarina Aziz. (2007). Masalah nelayan tradisional di semenanjung Malaysia, penyelesaian tanpa kesudahan. *Jati*, 12, 247-258. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/jati/article/download/5720/3457/12732>
- Mohd Amin Jalil. (2021). Bantuan peranti untuk murid tidak mampu. *Bharian Online*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/779287/bantuan-peranti-untuk-murid-tidak-mampu>
- Mohd Sani Badron & Nor Hartini Saari. (2016). *Kepimpinan dan amanat peradaban*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia [IKIM]
- Muhammad Haziq Hakimi. (2021). Merapatkan jurang antara dua kelas: Kesaksamaan dalam pendidikan. *TheMalaysianinsight Online*. Diakses dari <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/348603>
- Muhammad Rusydi Rasyid. (2015). Pendidikan dalam perspektif teori sosiologi. *Auladuna*, 2(2). 274-286. <https://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/auladuna/article/view/882/852>
- Nor Jamawaton Shahrudin. (2019). Peranan keyakinan diri dan lokus kawalan diri dalam hubungan antara tekanan rakan sebaya dan sikap terhadap tingkahlaku seksual dalam kalangan remaja hamil luar nikah di semenanjung Malaysia. *Jurnal Psikologi & Kaunseling Perkhidmatan Awam Malaysia*, 14. 59-82. <https://docs.jpa.gov/docs/pnerbitan/psikologi/Jurnal2019.pdf>
- Olagboye, A. A. (2004). *Introduction of Educational Administration Planning and Supervision*. Ikeja: Joja Educational Research and Publishers.
- Pejabat Perdana Menteri. (2022). Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Portal PMO*. Dikases dari [https://www.pmo.gov.my/dokumenatteched/Dasar/09DASAR\\_PENDIIDKAN\\_KEBANGSAAN.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenatteched/Dasar/09DASAR_PENDIIDKAN_KEBANGSAAN.pdf)
- Piaw, C. Y. (2006). *Kaedah penyelidikan: Kaedah dan statistik penyelidikan*. Mc Graw Hill Education: Kuala Lumpur
- Rafiqah Dahali & Hazira Ahmad Zaidi. (2021). Rapat jurang pendidikan bandar, luar bandar. *Bharian Online*. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional.2021/02/788447/rapat-jurang-pendidikan-bandar-luar-bandar>
- Raho, B. (2007). *Teori sosiologi moderen*. Prestasi Pustakarya: Indonesia
- Ritzer, G. & Stepnisky, J. (2017). *Sociological theory*. Edisi 10. SAGE Publication: California
- Shuhaib Hasan & Abdul Ghafar Hasan. (1983). *Sosislisme dan Islam*. Risalah: Bandung.
- Yasmin Ramla. (2020). Jurang digital bandar, luar bandar cabaran pembelajaran di rumah. *Malaysiakini Online*. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/520625>
- Zaitun. (2016). *Sosiologi pendidikan: Teori dan aplikasinya*. Kreasi Edukasi: Pekanbaru, Indonesia.
- Zakaria Kasa et al. (2010). *Isu pendidikan luar bandar di Perak*. Perak: Universti Pendidikan Sultan Idris [UPSI], Perak.
- Zalika Adam, Faridah Kassim & Mohamad Johdi. (2009). Memperkasakan pendidikan luar bandar. *Prosiding "Persidangan Kebangsaan Pendidikan Luar Bandar 2009"*, 3-5

*Febuari 2009, Hotel Beverly, Kota Kinabalu Sabah: Sekolah Pembangunan dan Pendidikan Sosial, Universiti Malaysia Sabah.*

Zulhisham Isahak. (2021). Terpaksa belajar bawah jambatan, atas pokok. *SinarHarian Online*. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/150999>